



KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (4361)

B-8032, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Telefon : 09-517 7977 / 09-517 7980 Telefax : 09-513 7190 / 09-516 2116

Email: webmaster@kosma.com.my

Bil (18) DLM KSMB/KEANGGOTAAN/001/JLD 3/2020

19 November 2020

Kepada:

Semua Anggota

Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)

YB/YH/YBhg Tan Sri/Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

- I) **PEMBERITAHUAN TENTANG PEMBUBARAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA) MENGIKUT SEKSYEN 69 (1)(iv)(C) AKTA KOPERASI 1993 [AKTA 502] BERKUATKUASA MULAI 17 NOVEMBER 2020**
- II) **PEMBERITAHUAN TENTANG PERLANTIKAN PENTADBIR KOPERASI MENGIKUT SEKSYEN 69 (2)(a)(i) AKTA KOPERASI 1993 [AKTA 502] BERKUATKUASA MULAI 17 NOVEMBER 2020**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara (I), adalah dimaklumkan bahawa Anggota Lembaga Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) telah dibubarkan mengikut Seksyen 69 (1)(iv)(C) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] **berkuatkuasa mulai 17 November 2020.**

2. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah melantik seorang Pentadbir mengikut Seksyen 69 (2)(a)(i) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal-ehwal Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA). Pengambilalihan ini **berkuatkuasa mulai 17 November 2020.**

3. Berikutan dengan pengambilalihan koperasi ini, semua fungsi Anggota Lembaga dan semua Jawatankuasa terhenti berkuatkuasa pada tarikh yang sama. Walau bagaimanapun, untuk makluman kepada semua anggota, dimaklumkan keseluruhan operasi KOSMA iaitu perladangan, perhotelan dan Ar-Rahnu masih berjalan seperti biasa di bawah pengurusan KOSMA yang sedia ada. Semua Anggota KOSMA dimohon untuk terus memberi komitmen terbaik demi kelangsungan dan kemajuan koperasi. Sebarang kemusykilan semua anggota boleh menghubungi KOSMA di talian pejabat **09-5177977/5177980.**

Sekian, terima kasih.

**ZAHARI BIN ABDUL AZIZ**

Pentadbir

Koperasi Serbausaha Makmur Berhad